



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)



TEMAN PEMBELAJARAN ANDA
"Your Partner in Learning"

EDISI
2025

JANUARI
JUN





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

SESI TEMU BUAL

Menggamit Memori, Bersama Mengenali

Penemuramah : Nor Azzuin binti Abdul Moati

Penyunting : Nabeela Shakina binti Abdul Razak



Assalamualaikum dan salam sejahtera YBhg. Dato'. Ribuan terima kasih diucapkan atas kesudian YBhg. Dato' untuk ditemu bual oleh pihak Sidang Redaksi ILKAP E-Newsletter (*Insight*) Bil. 1/2025 ("*Insight*") walaupun sibuk dengan tugas sebagai Hakim Mahkamah Tinggi.

Untuk makluman YBhg. Dato', *Insight* merupakan salah satu penerbitan ILKAP dan diterbitkan secara dua kali setahun (*biannually*). Sesi temu bual bersama tokoh perkhidmatan awam adalah segmen khas *Insight* selain melaporkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di ILKAP dalam tahun tersebut.

Sidang Redaksi *Insight* amat berbesar hati dapat menemu bual YBhg. Dato' untuk siri kali ini dan berkongsi dengan para pembaca *Insight* sedikit sebanyak tentang diri dan sejarah kerjaya YBhg. Dato'. Dengan ini, izinkan saya memulakan sesi temu bual ini.

Bersama dengan

HAKIM MAHKAMAH TINGGI

Y.A. Dato' Abu Bakar
Bin Katar



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Pertama sekali, sudikah YBhg. Dato' berkongsi mengenai latar belakang, keluarga dan sejarah pendidikan YBhg. Dato' dengan para pembaca *Insight*?

LATAR BELAKANG KELUARGA

Saya dilahirkan pada 15 Ogos 1959 di Pekan Senggarang, Batu Pahat Johor. Ayah saya, Encik Katar bin Kromo berasal dari Jawa Timur. Beliau mendirikan rumah tangga bersama dengan ibu saya iaitu Puan Sairah binti Salimin. Ayah saya seorang penoreh getah dan pekebun manakala ibu saya seorang suri rumah tangga dan membantu kerja-kerja ayah sebagai penoreh getah. Saya berkesempatan mendengar cerita kehidupan ayah dan ibu semasa pemerintahan Jepun. Kekurangan makanan dan bergantung kepada makanan ubi kayu, jagung dan keladi yang ditanam adalah antara kesukaran hidup yang mereka alami pada era tersebut.

Hasil perkahwinan ayah dan ibu, Allah S.W.T memberi cahaya mata seramai 7 orang. Anak yang sulung bernama Katinam binti Katar, anak kedua Bakri bin Katar (meninggal dunia tahun 2024), anak ketiga Hassan bin Katar (meninggal dunia tahun 2021) kembar dengan Hussin bin Katar (meninggal pada usia 13 tahun), saya pun dilahirkan anak kembar bernama Osman bin Katar (meninggal pada usia 4 tahun) dan paling bongsu ialah Rafidah binti Katar.

SEJARAH PENDIDIKAN

Saya memulakan pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Molek mulai Darjah 1 hingga Darjah 6. Pada ketika itu Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Molek, bangunan berdinding buluh dan beratap rumbia.

Masih saya ingat, apabila hujan lebat, air memasuki dalam bilik darjah ketika itu. Masa bersekolah tidak memakai kasut sebaliknya

hanya memakai "selipar Jepun" (pada hari-hari kelas dimasuki air).

Selepas menghabiskan Pendidikan Rendah di Sekolah Kebangsaan Seri Molek, saya melanjutkan pelajaran peringkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Senggarang [SMKS]. Saya mula belajar di Tingkatan Satu (1972) hingga ke Tingkatan 5 (1976) di sana. Saya mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1974 dan selepas SRP, saya masih meneruskan belajar di SMKS bagi Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Saya selanjutnya mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia [SPM] dalam tahun 1976. Saya terpilih sebagai pelajar cemerlang masa SPM apabila mencapai Gred Pertama, Aggregate 21. Pada ketika itu hanya 4 orang yang mendapat Gred Pertama dalam SPM untuk SMKS.

Saya pada awalnya melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6 Bawah (Aliran Sastera) di Sekolah Dato' Bentara Luar (SDBL), Batu Pahat. Saya sempat belajar seminggu di SDBL bersama kawan-kawan baru di Tingkatan 6 Bawah. Tanpa di duga, saya mendapat tawaran ke Sekolah Berasrama Penuh di Sekolah Alam Shah, (SAS) Cheras (pada ketika itu) untuk sesi 1977/1978. Pengalaman yang baru belajar di SAS yang merupakan sekolah berasrama penuh. Pengalaman untuk pertama kali menjalani kehidupan seorang diri dan meninggalkan ayah, ibu dan adik beradik di kampung tidak dapat saya lupakan. Semasa berada di SAS, barulah saya belajar untuk hidup berdikari apabila perlu membasuh pakaian dan kasut sekolah sendiri serta hidup berjauhan dengan ayah dan ibu.

Selepas mendapat keputusan Sijil Tinggi Pelajaran (STP) dalam tahun 1978, saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) dalam Bidang Undang-Undang. Saya belajar di UM selama 4 tahun. Saya mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dalam tahun 1983.



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Bukan selalu mendapat peluang untuk menemu ramah pegawai atasan seperti YBhg. Dato' mahupun peluang berkerja bersama YBhg. Dato'. Saya percaya ramai pembaca Insight ingin mengenali YBhg. Dato' dengan lebih lanjut. Oleh itu, jika tidak keberatan, boleh YBhg. Dato' kongsikan apakah yang ramai orang tidak tahu tentang YBhg. Dato', seperti fakta menarik atau hobi atau passion yang diminati oleh YBhg. Dato'?

Sejak di dalam persekolahan semasa sekolah rendah hingga melanjutkan pengajian di UM, sukan yang paling saya minati ialah Badminton. Semasa di Tingkatan 5, (1976) bersama kawan-kawan sekampung (Rahmat, Ngatiran, Mazlan, Eliyas, Kadir, Sedan, Rahim) bertungkus lumus membina gelanggang badminton di atas tanah. Kami menggunakan buluh yang dipotong untuk dijadikan garisan gelanggang badminton. Apabila bermain waktu malam, kami mengantung lampu pam minyak tanah di kayu atau buluh yang tinggi di dua-dua bahagian gelanggang. Waktu itu tiada bekalan elektrik di kampung kami.

Pemain-pemain badminton negara yang saya ingati antaranya ialah Dato' Punch Gunalan, Rahman Mohamad, Tan Aik Kwang, Tan Aik Mong dan keluarga Sidek (Razif, Jailani, Rashid). Saya sering mengikuti acara badminton anjuran BWF khasnya Kejohanan ABC, Thomas Cup, All England, Kejohanan Dunia. Kemudahan teknologi memudahkan saya untuk mengikuti sukan Badminton. Saya merupakan peminat setia Astro di Saluran Sukan 801, 802, 803, 811, 812, 814 dan 817.

Saya juga berminat mengikuti sukan bola sepak tempatan khasnya Liga Super Malaysia. Team yang saya sokong pastinya JDT sebagai anak jati Johor Darul Ta'zim. JDT menjuarai Liga Super selama 11 tahun berturut-turut. Di samping itu juga, JDT menjuarai Piala FA, Piala Sumbangsih dan Piala Malaysia. JDT juga mengambil

bahagian dalam kejohanan ACLE di peringkat Asia. Bagi musim 2025 ini, JDT sekadar mampu ke pusingan 16 terbaik. JDT di sekat perjalannya dalam ACLE apabila ditewaskan oleh Kelab Buriram, Thailand dengan jaringan 0-1.

Di samping sukan, saya juga gemar mendengar lagu dan muzik semasa waktu santai. Saya meminati lagu-lagu yang berirama sentimental dan slow rock. Datuk Ramli Sarip merupakan salah seorang penyanyi yang saya minati. "Teratai", "Batu", "Kamelia" dan "Sejuta Wajah" antara lagu-lagunya yang masih segar dan lirik lagunya yang puitis. Saya juga meminati lagu "Temple Of The King" dan "Soldier of Fortune" seiring dengan lagu-lagu yang lainnya.

Sudi kiranya YBhg. Datuk berkongsi pengalaman dalam kerjaya dan jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh YBhg. Dato' sebagai inspirasi kepada pembaca Insight?

Sebaik menerima segulung Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dalam tahun 1983, saya memulakan kerjaya sebagai Pegawai Undang-Undang, Lembaga Letrik Negara (LLN) (kini dikenali sebagai Tenaga Nasional Berhad (TNB)) mulai tahun 1984 hingga Mei 1985.

Saya telah meletak jawatan di LLN dan menerima jawatan Pegawai Undang-Undang sebagai Majistret. Saya memulakan kerjaya sebagai Majistret di Mahkamah Majistret, Kluang bagi tempoh 1985 hingga 1991.

Semasa berkhidmat sebagai Majistret saya pernah mengendalikan "Penyiasatan Awal" bagi kes-kes melibatkan hukuman mati. Di akhir Penyiasatan, saya akan mengkomitkan Tertuduh ke Mahkamah Tinggi untuk dibicarakan. Saya berkhidmat di Mahkamah Majistret, Kluang serta membuat litaran di Mahkamah Majistret, Mersing/Johor Bahru dan Batu Pahat.



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Saya mendapat kenaikan pangkat ketika itu Tingkatan Tertinggi "F" dan dipindahkan ke Kementerian Perusahaan Utama pada tahun 1991 sebagai Penasihat Undang-Undang. Bertugas di Kementerian merupakan pengalaman baru dan jauh berbeza dengan jawatan Majistret. Semasa itu Peguam Negara di bawah kepimpinan Tan Sri Abu Talib Othman.

Saya bertugas tidak lama di sana dan kembali ke Badan Kehakiman sebagai Hakim, Mahkamah Sesyen, Kota Bharu pada tahun 1992. Pada masa itu berlaku perubahan kepada Skim Perkhidmatan dan Jawatan Tingkatan Tertinggi "F" dijumudkan. Saya seterusnya dilantik sebagai Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya, Kota Bharu (Dahulunya Pegawai Penyelidik kepada YA Dato' Idris Bin Yusoff H). Bertugas sebagai Timbalan Pendaftar merupakan pengalaman baru dan ianya berbeza dengan tugas Majistret di Mahkamah Majistret dan Hakim di Mahkamah Sesyen. Saya bertugas sebagai Timbalan Pendaftar untuk tempoh yang lama iaitu Ogos 1992 hingga Nov 2000. Saya juga berpeluang bekerja di Mahkamah Tinggi Kota Bharu bersama-sama Puan Wan Fadhilah Nor binti Wan Idris (sekarang YA Hakim Mahkamah Tinggi) dan Puan Nik Nasimah binti Nik Mohammad (sekarang Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya, Putrajaya). Saya sempat bertugas bersama-sama YA Dato' Kamil Awang, Dato' Nik Hashim Bin Nik Mohamad, Dato' Arifin Zakaria (pada ketika itu), Dato' Tengku Baharuddin Tengku Omar dan Datuk Suriyadi Halim Omar (pada ketika itu).

PENGALAMAN YANG TIDAK DILUPAKAN

KERJA DAPAT DILUPAKAN

Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru

Hakim, Mahkamah Sesyen, Teluk Intan

Hakim, Mahkamah Sesyen, Batu Pahat

Saya selanjutnya telah mendapat kenaikan pangkat (Gred L1 yang kemudiannya digantikan dengan L54) sebagai Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru mulai November 2000. Saya berkhidmat di Johor Bahru dan berkesempatan mendengar kes *Abbas Baksun v. PP* melibatkan kesalahan rogol seorang kanak-kanak dan kemudiannya dibunuhi. Saya menjatuhi hukuman penjara 20 tahun dan 24 sebatan rotan kepada Tertuduh.



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Hujung minggu anda, hari kerja kami.

Keratan akhbar berkenaan kes *Abbas Baksun v. PP* di pautan :

[https://www.klik.com.my/item/story/2158658/
perogol-nurul-kena-20-tahun-24-sebatan-dan](https://www.klik.com.my/item/story/2158658/perogol-nurul-kena-20-tahun-24-sebatan-dan)
[https://www.klik.com.my/item/story/2154126/
polis-buat-lakaran-wajah-lelaki-ketiga](https://www.klik.com.my/item/story/2154126/polis-buat-lakaran-wajah-lelaki-ketiga)

(Hak milik : The New Straits Times Press
(Malaysia) Berhad)

Saya kemudiannya dalam tahun 2004 berpindah ke Mahkamah Sesyen, Teluk Intan, Perak bertugas sebagai Hakim, Mahkamah Sesyen. Semasa berkhidmat sebagai Hakim, Mahkamah Sesyen, saya berpeluang mengendalikan perbicaraan jenayah membabitkan kes Raja Izzuddin Shah Sultan Idris (Raja Kechil Besar, Negeri Perak Darul Ridzuan) bersama pembantunya Encik Ibrahim. Dalam kes ini, Raja Izzuddin Shah menghadapi pertuduhan subahat menipu bagi mendapatkan gelaran Dato' Paduka Negeri Perak iaitu kesalahan s. 107/s. 420 Kanun Keseksyenan. Manakala Encik Ibrahim menghadapi pertuduhan menipu di bawah s. 420 bagi mendapatkan gelaran Dato'. Saya masih ingat, pada ketika itu, pendakwaan telah dijalankan oleh TPR B.Saralla Pillay, Bahagian Pendakwaan. Manakala Raja Izzuddin diwakili peguam Encik Selvam. Sementara Encik Ibrahim diwakili peguam Gurbachan Singh. Di akhir kes pendakwaan, saya memutuskan pendakwaan gagal memutuskan kes *prima facie* dan memerintahkan Raja Izzuddin dan Encik Ibrahim lepas dan bebas daripada pertuduhan. TPR yang terkilan dengan keputusan saya telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Tinggi, Ipoh. Rayuan ini pada akhirnya di dengar oleh YA Apandi Ali (Hakim Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur) (pada ketika itu). YA Apandi Ali telah menolak rayuan pendakwaan dan mengekalkan keputusan Hakim, Mahkamah Sesyen, Teluk Intan. Saya bertugas di Teluk Intan tidak begitu lama. Saya kemudiannya di arahkan bertukar ke Mahkamah Sesyen, Batu Pahat sebagai Hakim Sesyen. Saya berkhidmat di Batu Pahat tahun 2005 hingga September 2009.

Pendaftar Mahkamah Tinggi, Malaya

Selepas itu saya berpindah ke Istana Kehakiman sebagai Pendaftar Mahkamah Tinggi, Malaya (PMT). Ketika itu Tun Zaki Azmi sebagai Ketua Hakim Negara dan Dato' Arifin Zakaria sebagai



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Hakim Besar Malaya. Tugas PMT amat mencabar ketika itu. Badan Kehakiman dibebani dengan longgokan kes-kes yang tertunggak. Saya berkhidmat sebagai PMT untuk tempoh yang agak singkat. Saya kemudiannya dipindahkan ke Mahkamah Sesyen [Khas Rasuah] di Kuala Lumpur mulai tahun 2009 hingga tahun 2010.

Hakim, Mahkamah Sesyen (Khas Rasuah)

Selain itu, saya juga pernah ditugaskan di Mahkamah Sesyen (Khas Rasuah) dan mendapat pengalaman dalam mengendalikan kes-kes rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Hakim, Mahkamah Sesyen, Melaka

Selepas itu dalam tahun 2010 saya dipindahkan ke Mahkamah Sesyen, Melaka sebagai Hakim Sesyen. Di samping itu juga saya dilantik sebagai Pengarah Mahkamah Negeri Melaka bagi urusan pentadbiran, perjawatan dan kewangan. Semasa berkhidmat di Melaka, saya berkesempatan mendengar kes Ameng Spring yang di dakwa memiliki dadah berbahaya suatu kesalahan di bawah s. 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Ameng Spring telah diwakili peguamnya Encik Azrol Stork. Selepas mendengar mitigasi peringanan hukuman dan hujahan pemberatan oleh TPR, saya menjatuhkan hukuman penjara 8 tahun mulai tarikh tangkap dan 10 sebatan rotan.

Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi, Alor Setar

Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi, Kangar

Pada 8.7.2013 saya dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi, Alor Setar. Mulai 1.1.2015 saya diarahkan bertukar ke Mahkamah Tinggi, Kangar. Pada 10.4.2019 saya disahkan sebagai Hakim, Mahkamah Tinggi, Kangar. Pengalaman manis sepanjang bertugas di Mahkamah Tinggi, Kangar ialah apabila DYMM Tuanku Raja Perlis berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran "Dato Paduka Mahkota Perlis" (DPMP) yang membawa gelaran Dato' pada 12.10.2019 di Istana Arau, Perlis.

Pengalaman mencabar ialah semasa menjadi Pesuruhjaya Kehakiman sebelum di lantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Tugas Pesuruhjaya Kehakiman memerlukan pengorbanan dan dedikasi kerja. Banyak masa yang ada dihabiskan untuk meneliti fail-fail kes iaitu memahami fakta kes dan isu-isu yang dipertikaikan. Di samping itu, masa yang banyak diperlukan untuk menulis Alasan Penghakiman. Setiap hari ada keputusan yang perlu disampaikan dan setiap keputusan itu lazimnya akan di rayu ke Mahkamah Rayuan. Secara jujurnya, pada pandangan saya, tempoh masa 8 minggu yang ditetapkan untuk menyiapkan Alasan Penghakiman sangat singkat dan mencabar.

Bolehkah YBhg. Dato' kongsikan **moto dan nilai** yang YBhg. Dato' amalkan dan menjadi pegangan YBhg. Dato' **dalam kehidupan atau semasa menjalankan tugas-tugas** yang diamanahkan kepada YBhg. Dato'?

Saya tidak menetapkan apa-apa MOTO dalam menjalankan tugas semasa Pegawai Undang-Undang dan Hakim, Mahkamah Tinggi. Saya



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

berpegung teguh dan percaya segala kerja yang kita lakukan merupakan suatu ibadah di sisi Allah SWT. Sehubungan itu, segala tugas atau tanggugjawab yang diamanahkan sewajarnya dilakukan dengan ikhlas dan semata-mata mendapat keredhaan Allah SWT. Kita bekerja dengan sebaik yang mungkin dan bukan mengharap habuan atau faedah kepada diri sendiri. Kita melakukan kerja dengan penuh keikhlasan tanpa perlu mendabik dada. Biarlah orang lain yang menilai segala hasil kerja yang kita lakukan. Saya memegang prinsip kepada tiada masalah di dunia ini yang tidak dapat diselesaikan secara berhemah. Perkara yang mudah jangan dipayahkan. Perkara yang berat jangan dirumitkan,

Boleh YBhg. Dato' kongsikan sebarang nasihat dan kata-kata kepada pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan berkenaan dengan hala tuju dan pendekatan yang perlu diambil agar sentiasa memberikan perkhidmatan perundangan yang bertaraf tinggi kepada negara.



Pegawai Kehakiman dan Perundangan perlu lebih komited dan menghadapi cabaran alaf baru. Kemudahan IT membantu cara bekerja yang lebih cekap dan pantas berbanding era 80an dahulu. Proses pembelajaran yang berterusan perlu ditanamkan dalam jiwa Pegawai Kehakiman dan Perundangan. Undang-undang sentiasa berubah dan berkembang bagai air yang mengalir. Undang-undang bukannya suatu yang statik bagai suatu Monumen. Kerjaya Kehakiman dan Perundangan perlu seiring dengan peredaran zaman dan polisi Kerajaan semasa agar ianya dapat dirasai oleh masyarakat di akar umbi.

Boleh YBhg. Dato' kongsikan sekiranya YBhg. Dato' tidak menjadi pegawai undang-undang, *what would you be?*

Semasa di awal persekolahan, bercita-cita menjadi seorang pendidik dan mengimpikan jawatan Guru Besar. Mengimbau semasa alam persekolahan dahulu, Guru Besar memegang rotan dan mendidik anak-anak muridnya kepada disiplin yang baik dan menghormati para guru yang mendidiknya. Saya bersyukur, walaupun saya kurang pendedahan dan pengetahuan berkenaan dengan dunia luar sejak dari sekolah rendah namun perancangan Allah itu teratur untuk saya.

Tempoh persaraan sudah hampir, sudikah Ybhg. Dato' untuk berkongsi apakah perancangan YBhg. Dato' untuk persaraan setelah sekian lama menabur bakti sebagai pegawai kehakiman dan perundangan?

Pada tanggal 15.8.2025 genaplah saya berusia 66 tahun. Saya akan bersara wajib mengikut tempoh persaraan yang ditetapkan



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)



dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebaik bersara nanti, saya tidak berhasrat untuk menjadi Peguambela dan Peguamcara. Saya berpendapat tempoh hampir 41 tahun berbakti dalam Bidang Kehakiman sudah memadai untuk saya meninggalkan bidang undang-undang ini. Saya berhasrat akan menumpukan masa yang terluang kepada keluarga dan masyarakat. Sekiranya mempunyai rezeki yang lebih bercuti dan melancong keluar negara.

Akhir sekali, sudikah YBhg. Dato' memberikan sedikit pandangan atau cadangan kepada warga ILKAP berhubung **penambahbaikan yang boleh dibuat untuk meningkatkan mutu penyediaan latihan** kepada pelanggan ILKAP yang kebanyakannya adalah pegawai Skim Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman?

ILKAP adalah agensi yang telah diamanahkan untuk melatih pegawai-pegawai Kehakiman dan Perundangan. Saya percaya ILKAP mempunyai kepakaran bagi memilih modul kursus dan tajuk-tajuk kursus yang relevan bagi memenuhi kehendak pelbagai jawatan dalam Perundangan atau Kehakiman. Namun begitu, saya melihat dari aspek Kehakiman, kursus-kursus yang tertentu perlu diadakan oleh ILKAP. Contohnya, kursus pilihanraya elok diadakan

bagi Penolong Kanan Pendaftar/Timbalan Pendaftar yang mengendalikan Petisyen Pilihanraya. Memandangkan Pilihanraya berlangsung 5 tahun sekali atau apabila diadakan PRK, pegawai-pegawai tidak terdedah kepada pengurusan kes Petisyen Pilihanraya. Pegawai-pegawai perlu faham tatacara pengendalian Petisyen Pilihanraya bermula ianya difaikkan sehingga perbicaraan. Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (disemak 1969)(Akta 5) ada menetapkan Petisyen Pilihanraya perlu diselesaikan dalam tempoh 6 bulan. Di akhir perbicaraan perlu disediakan Perakuan kepada Pengerusi SPR memaklumkan keputusan Petisyen Pilihanraya yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi (Pilihanraya). ILKAP juga disarankan mengadakan kursus kepada Majistret yang baru dilantik ke Bidang Kehakiman. Majistret perlu cermat dan teliti semasa mengendalikan "summary trial" di bawah s. 173 Kanun Tatacara Jenayah [KTJ]. Sepanjang saya berkhidmat sebagai Hakim, Mahkamah Tinggi ada berlaku Majistret masih tidak menghargai kepentingan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan. Ada keadaan fakta kes tidak mendedahkan apa-apa kesalahan. Majistret, Timbalan Pendakwa Raya tidak menyedari sehingga kes itu disemak oleh Mahkamah Tinggi di bawah S. 323 KTJ. Saya merujuk beberapa kes yang menyentuh kepentingan fakta kes untuk rujukan iaitu **Mohammad bin Hassan v. PP [1998] 5 MLJ 65, PP v. Abdul Aziz [1978] CLJU 148** dan **PP v. Margarita B Cruz [1987] CLJU 129; [1988] 1 MLJ 539**. Terima kasih atas cadangan-cadangan menarik YBhg. Dato' tersebut, pihak *Insight* akan memanjangkan cadangan-cadangan tersebut kepada pihak atas ILKAP. Dengan ini tamatlah sesi temu bual kita. Bagi pihak sidang redaksi *Insight* ILKAP Bil. 1/2025 dan bagi pihak ILKAP secara keseluruhannya, saya mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian YBhg. Dato' menerima jemputan kami untuk ditemu bual.



AKTIVITI-AKTIVITI APN

JANUARI 2025



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

JANUARI

LAWATAN YANG BERHORMAT DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (INSTITUSI DAN REFORMASI UNDANG-UNDANG)

21 Januari 2025



Pada 21 Januari 2025, APN telah menerima lawatan rasmi daripada Yang Berhormat Daro' Sri Azalina binti Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Institusi dan Reformasi Undang-Undang), ditemani YBhg. Datuk Zamri bin Misman, Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU). Semasa lawatan, YB Menteri telah mengunjungi bangunan-bangunan premis di APN dan bertukar pandangan berkenaan dengan bagi melihat sendiri perjalanan operasi dan juga bagi bertukar-tukar pandangan dalam usaha merancakkan agenda reformasi perundungan dan institusi yang sedang berjalan.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)



YB Menteri juga menitik beratkan keutamaan kepada aspek teknologi, pendigitalan dan khususnya Kecerdasan Buatan (AI) untuk diterapkan dalam gerak kerja dan semua perancangan dasar dan program APN agar segmen perundangan dan institusi penting negara bergerak seiring dengan perkembangan teknologi global.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

JANUARI

MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2025 APN DAN CERAMAH ISRAK MIKRAJ 1446H/2025

24 Januari 2025

Auditorium , ILKAP

Majlis Amanat Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2025. APN dan Ceramah Israk Mikraj 1446H/2025 telah dilaksanakan pada 24 Januari 2025 bertempat di Auditorium, ILKAP. Majlis dimulakan dengan Majlis Amanat Ketua Pengarah bilangan 1 pada jam 8.00 pagi dan diikuti dengan Ceramah Israk Mikraj pada jam 11.00 pagi oleh Dr Anwar bin Muttaqin, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam UKM. Seramai 106 orang pegawai dan kakitangan ILKAP telah hadir ke majlis ini.





AKTIVITI-AKTIVITI APN

FEBRUARI 2025



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

FEBRUARI

TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

24 Januari 2025

Dewan Kuliah Aras 5, Bangunan ITITC, APN

Satu taklimat Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) anjuran Unit Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan ILKAP telah diadakan pada 21 Februari 2025. Taklimat ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada warga ILKAP mengenai pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024.

Taklimat yang disampaikan oleh Encik Mohd Alwi Bin Mohd Mustafa dan Puan Rozianne Wati Binti Romli daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri ini menyentuh isu-isu asas dalam pelaksanaan SSPA terutamanya berkaitan Skim Perkhidmatan yang telah dijumlahkan dan digabungkan di bawah skim perkhidmatan yang baharu.

Taklimat juga turut menyentuh isu-isu berkaitan bidang tugas mereka yang terlibat dalam pergabungan skim. Secara umumnya, Jabatan/Agensi mempunyai autoriti bagi menentukan bidang tugas mereka yang telah digabungkan skim perkhidmatannya untuk membolehkan peragihan tugas yang lebih luas selaras dengan prinsip multitasking yang diperlukan oleh kebanyakan Jabatan/Agensi pada waktu ini.





**EDISI
2025**

JANUARI
-
JUN



INSIGHT

E-NEWSLETTER
AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)



AKTIVITI-AKTIVITI APN

FEBRUARI

BENGKEL LIBAT URUS PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN BERSAMA AGENSI DI BAWAH SEKTOR PENTADBIRAN AWAM

25-26 Februari 2025

Dewan Maksak Putra, Wilayah Persekutuan Putrajaya


Bengkel Libat Urus Perkhidmatan Digital Kerajaan Bersama Agensi Di Bawah Sektor Pentadbiran Awam ("Bengkel") telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan selaku Ketua Pegawai Digital (CDO) bagi Jabatan Perdana Menteri.

Selanjutnya, Bengkel diteruskan dengan taklimat berkenaan dengan sesi libat urus yang akan dijalankan oleh Puan Nur Azah binti Aziz, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Pendigitalan Sektor Pentadbiran Awam. Puan Nur Azah telah menyampaikan penerangan berkenaan dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030 yang melibatkan penambahbaikan perkhidmatan Digital Kerajaan. Antara objektif Bengkel ini diadakan adalah sebagai salah satu medium untuk mencapai keperluan reformasi dengan mengadakan perbincangan di kalangan sektor tentang cadangan inisiatif tentang perkhidmatan digital yang akan dilaksanakan

di agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam Bengkel ini.

Hari pertama Bengkel diteruskan dengan perbincangan dalam kumpulan di mana wakil ILKAP ditempatkan bersama pegawai-pegawai dari sektor Kehakiman dan Perundangan. Antara agensi lain dari sektor Kehakiman dan Perundangan adalah Jabatan Peguam Negara (AGC), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI).

Semasa perbincangan berlangsung, pihak urus setia telah mengambil maklum akan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kursus Bersepadu (ICMAS) di ILKAP yang kini di versi 7.0. Perbincangan Dalam Kumpulan selanjutnya tertumpu kepada sistem pengurusan kes kebangkrapan yang telah dibangunkan oleh pihak MDI dan akan diluncurkan pada tahun 2025 ini.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

FEBRUARI

PROGRAM "JOM KACAU BUBUR LAMBUK" ANJURAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN APN

28 Februari 2025

Surau Al-Muqarrabin APN

Program Jom Kacau Bubur Lambuk APN telah dijalankan pada 28 Februari 2025 di Surau Al-Muqarrabin APN. Program ini adalah aktiviti memasak dan mengagihkan bubur lambuk secara percuma kepada seluruh warga APN. Aktiviti ini dilakukan secara bergotong-royong bersama warga APN yang bermula pada 8.45 pagi dan agihan bermula pada jam 4 petang.

Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga APN. Selain itu, sebagai tanda simbolik menyambut bulan Ramadhan yang bermula pada 2 Mac 2025. Aktiviti ini berjaya dan berjalan lancar mengikut jadual dan matlamat.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)





AKTIVITI-AKTIVITI APN

MAC 2025



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MAC

PROGRAM PAMERAN BULAN RAMADHAN ANJURAN BAHAGIAN MAKLUMAT APN

2-30 Mac 2025

Pusat Sumber, APN

Pameran ini telah diadakan di Pusat Sumber, Bahagian Maklumat sepanjang bulan Ramadan bermula 2 Mac 2025 hingga 30 Mac 2025.

Pameran ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang keistimewaan ibadah puasa yang memberi pendedahan kepada warga pejabat tentang keindahan dan keunikan puasa dari sudut agama, rohani, kesihatan dan sosial. Pameran ini menjelaskan maksud puasa dalam Islam, rukun-rukunnya, serta jenis-jenis puasa (wajib, sunat, nazar, dan lain-lain) yang menunjukkan hikmah dan falsafah di sebalik ibadah puasa.

Selain daripada itu, pameran ini menggalakkan toleransi dan kefahaman antara kaum dan agama dengan memberi ruang kepada rakan sekerja bukan Islam

untuk memahami makna dan kepentingan puasa dalam Islam, sekali gus memupuk semangat perpaduan dan saling hormat-menghormati.



Informasi yang dipaparkan melalui pameran ini juga dapat menyemai nilai seperti kesabaran, disiplin, integriti, empati dan produktiviti yang boleh diamalkan dalam suasana kerja harian selain memupuk semangat Ramadan di tempat kerja bagi mewujudkan suasana kerja yang harmoni, bersemangat dan positif melalui elemen pameran yang mendidik dan menyentuh hati.

Seterusnya pameran ini menyampaikan dakwah ringan dengan pendekatan profesional dan interaktif yang menggunakan pameran sebagai medium untuk menyampaikan mesej Islam secara sopan, menarik dan mesra, sesuai dengan suasana korporat atau pejabat.







INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)



PENGISIAN RAMADAN

- Respon pada siangnya dengan puasa yang sebenarnya.
 - Menghindarkan malam dengan amalan yang diharuskan termasuk qasidah
 - Memerlukan amalan istiqamah
 - Menurunkan zakat tarawih
 - Berbacaan al-quran
 - Menurunkan zakat fitrah dan zakat yang lain
 - Belakut terutama 10 malam terakhir
 - Memperbaiki sesebahagian sedekah
 - Memberi makanan kepada orang yang berpuasa
 - Berbaca
 - Bersedekah dalam beberapa hari malam minum
 - Mengapa pencandutan dari makanan masak
 - Menurunkan umur jika mampu

MAKNA BULAN RAMADAN

- Bahagian membawa makud panas yang sangat terik. Dihantam demikian kerap pada bulan tersebut di tanah Arab kebiasanya cuaca adalah panas, terik dan kering. Maka matara panas tersebut diharapkan dapat membakar janggut kelorong nose orang yang berpusauan dengan menghidupkan badan di sepanjang bulan

KEISTIMEWAAN BULAN RAMADAN

1. Salvidus Syuhur (Penghulu sekalian bulan)

- Diketahui kerana Ramadhan diulang di dalam Al-Quran dan tentu bermakna kastemoran dengan khalidah Ramadhan melaui mendengar pelajaran sebagai peringatan seluruh bangsa. Di samping oddarnya hadis puasa semasa kelabut perniut, Zikir Miftah, surah Tarawih, istighfar Qasoor, Nasir ul Quran, Tafsirul qur'an, Khalidah sejuknya, Glimsket Tazkiah, Iktidat dan lain-lain lagi.
 - Resolutif meninggalkan bahan-bahan "Seandainya seseorang mengalih alih kultum Ramadhan, niscaya misalnya menjahat wajah sepanjang tujuh buah oddarni

3. Syntesis Quran - Bulan Quran

- Riman Arich dalam Surah al-Baqarah ayat 185:
"Bulan Ramadhan yang diluncurkan padanya oleh-Nya sebagai Hidayah (petunjuk) kepada manusia dan keterangan-keterangan tentang sejati dan yang bohong di antara yang halal dan yang haram."

- terima pada Hari Kemerdekaan Indonesia berbunyi: "Wahai Tanahku oleh kekuatmu mengalahkan raja-raja besar, meskipun demikian seni merajut syahdat pasti sangat halil, maka seharusnya kita meninggalkan syahdat kepada karyadonya". Al Quran berbunyi: "wahai Tuhanmu, o Tuhan yang menghalau peradaban batin pada makhluk-hakim, mohon berikan ilmu dan memberi syahdat kepada karyadonya. Ibu, ditemanmu, wajahmu, seorang ibu yang selalu mencintaimu dan melindungimu".





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MAC

MESYUARAT PENYELARASAN PENAJAAN PROGRAM INTENSIF PEMERKASAAN TENAGA PENGAJAR (INSTITUT LATIHAN AWAM (ILA) (IMPAK) TAHUN 2025

10 Mac 2025

Dewan Mezzanine, Blok C10, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Mesyuarat ini diadakan bagi menyelaras pelaksanaan Program Inisiatif Pemerkasaan Kompetensi Latihan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (IMPAK) yang dirangka untuk memperkuuh kemahiran tenaga pengajar ILA sejajar dengan keperluan semasa dan perkembangan terkini dalam sektor perkhidmatan awam.

Selain menilai dan meluluskan permohonan kursus di bawah Program IMPAK, mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. En. Jamalulail Abu Bakar, Pengarah, Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA ini turut membincangkan strategi pelaksanaan bagi memastikan keberkesanan inisiatif ini sebagai salah satu usaha pembangunan modal insan yang menyeluruh.

Pihak Akademi Perundangan Negara diwakili oleh YBrs. Tuan Harith Sham bin Mohamed Yasin, Timbalan Ketua Pengarah dan Puan Siti Fariza Edzua binti Jamaludin, Pengarah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran, telah membentangkan permohonan APN yang di bawah Program IMPAK 2025 untuk kursus jangka pendek dalam negara dan kursus antarabangsa dalam talian.

Justifikasi diberikan bagi setiap kursus yang dipohon, termasuk keperluan peningkatan kompetensi dalam bidang latihan perundangan dan pemantapan kemahiran pakar rujuk.



EDISI
2025

JANUARI
JUN



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MAC

PROGRAM GALAKAN MEMBACA TROLLEYBOOK2U ANJURAN BAHAGIAN MAKLUMAT APN

13 Mac 2025

Bangunan Perdana ILKAP

Program *Trolley Book2u* adalah inisiatif Pusat Sumber untuk memudahkan akses kepada bahan bacaan tanpa perlu mengunjungi Pusat Sumber secara fizikal. Program ini telah dilaksanakan pada 19 Mac 2025 (Rabu) jam 9.30 pagi ke Bahagian-bahagian dan Unit di Bangunan Perdana. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga APN yang mencintai ilmu. Pengguna boleh memilih buku yang diminati dan membuat pinjaman dengan mudah.

Program ini menyokong inisiatif pembelajaran sepanjang hayat dengan menyediakan akses mudah kepada pelbagai jenis bahan ilmiah dan bacaan santai dalam menikmati kemudahan serta manfaat pusat sumber secara adil dan inklusif. Minat dan tabiat membaca pengguna dapat ditingkatkan kerana mereka lebih

terdorong untuk membaca bahan bacaan yang dihantar terus ke tempat mereka dan secara tidak langsung dapat membentuk amalan membaca sebagai rutin harian di pejabat.

Pengaksesan kepada bahan bacaan juga adalah lebih mudah tanpa mengganggu tugas. Warga APN tidak perlu ke Pusat Sumber atau kedai buku kerana bahan bacaan dihantar terus ke pejabat atau lokasi pilihan mereka dan mengurangkan tekanan masa kerana mereka boleh membaca semasa rehat atau di luar waktu kerja. Ini mendorong pengurusan masa lebih efisien kerana penyediaan bahan bacaan dalam jangkauan menjadikan penggunaan masa lebih produktif.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MAC

CERAMAH KEBERKATAN RAMADAN ANJURAN UNIT INTEGRITI APN

14 Mac 2025

Theatrette , APN

Ceramah Keberkatan Ramadan APN telah dijalankan pada 14 Mac 2025 (Jumaat) di Theatrette, APN. Ceramah ini bermula pada 9.00 pagi dan berakhir pada 11.45 pagi ini telah disampaikan oleh Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham daripada Pengarah, Institut Islam Hadhari dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ceramah ini diadakan untuk berkongsi ilmu serta pengalaman dalam menghayati keberkatan, kepentingan, tuntutan dan cabaran beramal sepanjang Ramadan dengan lebih mendalam dan mengukuhkan hubungan silaturrahim di antara warga .





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MAC

MESYUARAT PUSPANITA CAWANGAN KECIL ILKAP TAHUN 2025 20 MAC 2025

14 Mac 2025

Theatrette , APN

Mesyuarat PUSPANITA Cawangan Kecil APN Tahun 2025 telah dilaksanakan pada 20 Mac 2025 bertempat di Theatrette, APN. Majlis dimulakan dengan pada jam 9.30 pagi dengan kehadiran 36 orang ahli PUSPANITA. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 10.30 pagi.

Pelaksanaan Mesyuarat PUSPANITA Cawangan Kecil APN Tahun 2025 adalah bertujuan untuk melantik Ahli Jawatankuasa baharu bagi Sesi 2025 hingga 2027. Pelantikan ini dilakukan agar aktiviti dan program PUSPANITA di APN dapat kembali dijalankan semula seperti biasa dan kutipan yuran dapat dijalankan.

Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil APN dijangka akan diadakan dalam masa terdekat bagi membincangkan program-program atau aktiviti yang akan dilakukan bagi tahun 2025.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN



MAJLIS BACAAN YAASIN, TAHLIL DAN QURAN HOUR

2025

21 Mac 2025

Bilik Mesyuarat Utama, Aras 4, Bangunan Perdana APN

Program World #QuranHour anjuran Pusat Sumber telah berlangsung pada 21 Mac 2025 (Jumaat) pada jam 9.30 pagi selepas Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil pegawai dan kakitangan Pejabat Ketua Pengarah, Bahagian Latihan dan Bahagian Maklumat sempena dengan bulan Ramadan 1446H/2025. Sesi tadabbur ini dipimpin oleh Encik Nor Azni bin Shamsudin dari Pejabat Timbalan Ketua Pengarah.

Program ini mengangkat tema "#SavingTheUmmah" dan memilih surah al-Saff sebagai fokus utama yang menekankan pentingnya kesatuan dan kekuatan ummah dalam menghadapi cabaran global. Surah al-Saff yang bermaksud "barisan", mengandungi ajaran tentang kesatuan dan semangat perjuangan dalam agama. Dengan memilih surah ini, pengajur berharap dapat membentuk umat Islam yang bersatu hati dan bersemangat dalam menegakkan ajaran Islam.

Program ini memberi kesan yang sangat besar kepada masyarakat, antaranya menyemarakkan kecintaan dan penghayatan terhadap al-Quran. Kita tidak sekadar membaca tetapi juga memahami dan menghayati makna setiap ayat, khususnya nilai kesatuan dan perjuangan yang dititipkan dalam surah al-Saff.

Program ini telah menyatukan lebih 10,000 lokasi dalam dan luar negara yang menunjukkan kekuatan ukhuwah Islamiyah yang merentasi sempadan dan budaya. Ia juga telah mengangkat peranan al-Quran dalam

kehidupan sehari-hari sebagai panduan, cahaya dan penyelamat umat. Nilai-nilai seperti amanah, keikhlasan dan kebenaran menjadi asas kepada perubahan masyarakat.

Melalui capaian digital yang tinggi, kita membuktikan bahawa teknologi boleh menjadi alat dakwah yang berkesan, menyampaikan risalah Islam ke seluruh dunia. Program ini bukan sekadar simbolik tahunan, tetapi menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat rabbani yang berasaskan nilai al-Quran dan semoga Allah SWT memberkati usaha kita dan menjadikan kita semua pencinta al-Quran sejati.



EDISI
2025

JANUARI
JUN



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)



AKTIVITI-AKTIVITI APN

APRIL 2025





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

APRIL


JOM BACA 10 MINIT ANJURAN BAHAGIAN MAKLUMAT APN

23 April 2025

Bilik Mesyuarat Utama, Aras 4, Bangunan Perdana APN

Program Jom Baca Bersama 10 Minit ialah satu kempen membaca secara serentak di seluruh negara di mana setiap peserta akan meluangkan 10 minit untuk membaca pada waktu yang telah ditetapkan pada bulan April setiap tahun bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia (*World Book and Copyright Day*). Pusat Sumber mengambil inisiatif untuk sama-sama melaksanakan program ini kepada warga APN pada 23 April 2025 (Rabu) di Bangunan Perdana dan Bangunan ITIC.

Program ini juga menyokong usaha kerajaan dalam membina masyarakat berilmu dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan membaca sebagai satu gaya hidup. Program seperti ini dapat menyemai minat membaca dalam kalangan rakyat dan mendorong orang ramai agar menjadikan membaca sebagai satu tabiat harian walaupun hanya untuk beberapa minit.






INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

APRIL

PERTANDINGAN SWAFOTO SEMPENA JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

23 April 2025

Pertandingan ini bertujuan untuk menyebarkan mesej positif mengenai kepentingan membaca melalui media sosial dan penyertaan umum yang lebih kreatif serta memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk turut serta dalam kempen membaca secara santai.

Pertandingan swafoto telah dilaksanakan bagi menyemarakkan lagi kempen Jom Baca Bersama 10 Minit bermula 17 April 2025 hingga 24 April 2025. Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan APN dan juga peserta kursus yang berminat, peserta dikehendaki berswafoto bersama poster Jom Baca Bersama 10 Minit dan dibenarkan menghantar satu swafoto sahaja.

Jumlah penyertaan yang diterima ialah sebanyak sembilan (9) penyertaan daripada pelbagai bahagian dan unit. Para peserta dikehendaki mengambil swafoto (selfie) mereka mengikut kreativiti dan keunikan masing-masing. Pertandingan ini juga menerapkan kreativiti dalam mempromosikan minat membaca melalui penggunaan teknologi di samping meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca dalam kehidupan seharian.

PERTANDINGAN SWAFOTO
Jom Baca 10 Minit
2025

PUSAT SUMBER, BANGUNAN PERDANA ILKAP

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua staf ILKAP, ahli keluarga staf ILKAP dan peserta kursus
- Peserta berswafoto bertemakan 'JOM BACA 10 MINIT'
- Lokasi swafoto adalah di tempat masing-masing bersama dengan poster JOM BACA 10 MINIT yang disediakan oleh Pusat Sumber
- Setiap peserta dibenarkan menghantar satu swafoto sahaja

TARIKH TUTUP PENYERTAAN:
24 April 2025

Gambar Swafoto hendaklah dihantar melalui:
Nor Hafizah-012 3702751
Kasmilah- 0193066413

MALAYSIA MADANI
daya cipta

Hadiah menarik menanti anda!



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Antara gambar swafoto penyertaan yang dikemukakan oleh para peserta



AKTIVITI-AKTIVITI APN

MEI 2025





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MEI

BENGKEL PELAN STRATEGIK BAHARU AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN) 2026 - 2030

8-9 Mei 2025

Bilik Kuliah, Aras 3, Bangunan ITITC APN

Akademi Perundangan Negara (APN) (dahulunya dikenali sebagai Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)) telah menjalankan **Bengkel Pelan Strategik baharu Akademi Perundangan Negara (APN) 2026 - 2030** (selepas ini dirujuk sebagai Bengkel) pada **8 hingga 9 Mei 2025** di Kampus ILKAP, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Tujuan Bengkel ini diadakan adalah bagi memastikan Pelan Strategik yang baharu memenuhi kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Jemaah Menteri No. M201/2025.

ILKAP sebelum ini melaksanakan Pelan Strategik ILKAP 2021-2025 yang menggariskan rangka kerja untuk ILKAP beroperasi dan melaksanakan visi dan misinya. Sebanyak 3 Teras Strategik telah dibangunkan dan direalisasikan sepanjang 5 tahun. Pelaksanaan Bengkel ini adalah sebagai tindakan pembangunan Pelan Strategik baharu APN dan semakan kepada Pelan Strategik ILKAP 2021-2025.

Pada hari pertama Bengkel, peserta-peserta didedahkan dengan penggunaan aplikasi Kecerdasan Pembuatan/ *Artificial Intelligence* (A.I), polisi dan kod etika penggunaan A.I serta sejarah berkaitan yang disampaikan melalui Sesi Perkongsian Ilmu dari pegawai-pegawai NAIO.

Bagi sesi petang hari pertama Bengkel, ceramah disampaikan oleh Tuan Mohd Azani bin Jabar dari Bahagian Akulturasi Digital (BAD), Kementerian Digital Malaysia berkenaan dengan Pengenalan kepada Pelan Strategik dan Kandungan Pelan Strategik bagi memberikan gambaran kepada peserta tentang aspek-aspek dan elemen-elemen yang perlu dipertimbangkan semasa mendraf Pelan Strategik Baharu.

Selanjutnya, pada hari kedua Bengkel, peserta-peserta telah melaksanakan Kerja Dalam Kumpulan yang dipantau oleh Tuan Mohd Azani bin Jabar.



Peserta mendengar ceramah yang disampaikan oleh pihak National AI Office (NAIO) dan cenderamata disampaikan oleh YBrs. Tuan Timbalan APN kepada penceramah NAIO



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Sesi ceramah oleh Encik Mohd Azani bin Jabar pada hari pertama Bengkel





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

Para peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai APN melaksanakan Kerja Dalam Kumpulan dan membentangkan hasil perbincangan berkenaan dengan draf Pelan Strategik Akademi Perundangan Negara 2026-2030.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MEI

SESI LATIHAN PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) APN

13-14 Mei 2025

Bilik Siber Perdana, Aras 2, Bangunan Perdana, APN

Sesi Latihan Pengguna Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) telah diadakan pada 13 hingga 14 Mei 2025 bertempat di Bilik Siber Perdana, Bangunan Perdana APN. Seramai 19 orang pegawai daripada APN telah menyertai bengkel ini yang dianjurkan dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Latihan ini bertujuan memberikan pendedahan menyeluruh berkenaan fungsi dan tatacara pengendalian sistem SISPAA APN, termasuk kemahiran memproses, menyalur serta memantau aduan awam mengikut prosedur yang ditetapkan. Antara modul utama yang dibincangkan termasuklah modul pengenalan pengurusan aduan, siasatan, penyelesaian, penutupan dan penjanaan laporan.

Kursus turut merangkumi sesi praktikal serta pentaksiran bagi menguji kefahaman peserta. Secara keseluruhannya, program ini berjaya meningkatkan keupayaan peserta dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pegawai pengendali aduan secara lebih sistematik, telus dan responsif.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MEI

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSPANITA CAWANGAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) BILANGAN 2 TAHUN 2025

22 Mei 2025

Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Blok C1, Jabatan Perkhidmatan Awam

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg. Puan Sri Dr. Azlifah Binti Bahari, Pengurus PUSPANITA Cawangan JPM. Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh YBhg. Datin Rosiawati Binti Mohd Rahim, Timbalan 1, YBhg. Datin Asmah Binti Musa, Timbalan 2, dan YBhg. Puan Sri Datin Sri Hajah Normah binti Mohd Zin, Timbalan 3.

Selain itu juga, semua wakil daripada 28 PUSPANITA Cawangan Kecil (PCK) termasuk PCK APN di bawah PUSPANITA Cawangan JPM turut menghadiri mesyuarat berkenaan.

Antara initiatif yang dibincangkan di dalam mesyuarat berkenaan adalah, pelaporan aktiviti bagi bulan Januari - April 2025, perancangan program bagi bulan Mei - Ogos 2025, Laporan Keahlian PUSPANITA JPM, Laporan Kewangan PUSPANITA JPM sehingga 30 April 2025.

Sebelum memulakan mesyuarat, telah diadakan penyerahan cenderahati dan doa kepada YBhg. Puan Sri Dr. Azlifah Binti Bahari, Pengurus PUSPANITA JPM yang akan menunaikan ibadah Haji pada 30 Mei 2025.

Mesyuarat turut menyambut ulangtahun kelahiran Pengurus PCK dan AJK induk bermula pada bulan Januari sehingga Mei 2025.

Di akhir mesyuarat, YBhg. Puan Sri Dr. Azlifah Binti Bahari telah mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan berharap agar program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.



EDISI
2025

JANUARI
JUN



INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

MEI

MAJLIS BACAAN YASIN DAN CERAMAH AIDILADHA 1446H/2025M AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA

23 Mei 2025

Surau Al-Muqarrabin, APN

Program Sambutan AidilAdha telah dijalankan pada 23 Mei 2025 (Jumaat) yang lalu di Surau Al-Muqarrabin, APN. Program ini bermula pada 8:30 - 11:30 Pagi dan telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Nadzri Bin Mustakim, Penolong Pengarah Kanan, Masjid Negara.

Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penghayatan nilai pengorbanan serta semangat perpaduan dalam kalangan warga APN. Program Sambutan Aidiladha ini bukan sahaja berjaya mengukuhkan nilai kerjasama dan keprihatinan sosial dalam kalangan warga APN, malah turut menyemarakkan suasana kerohanian dan keharmonian di tempat kerja.



AKTIVITI-AKTIVITI APN

JUN 2025





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

JUN

LAWATAN TAPAK AHLI JAWATANKUASA KERJA APN SPEAKER SERIES KE DEWAN DAMAR SARI, PUTRAJAYA

12 Jun 2025

Bilik Kuliah, Aras 3, Bangunan ITITC APN

Satu Lawatan Tapak ke Dewan Damar Sari, Putrajaya telah diadakan pada 12 Jun 2025 oleh Ahli Jawatankuasa Kerja Akademi Perundungan Negara Speaker Series yang diwakili oleh Puan Asma binti Ibrahim, Tuan Muhamad Yasser bin Mohd Nasri, Puan Nabeela Shakina binti Abdul Razak, Puan Nur Syahira binti Abdullah.

Lawatan tapak ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan perbincangan awal teknikal dengan pihak Pengurusan Dewan.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

JUN

PERHIMPUNAN BULANAN KLUSTER UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI (UURI) DAN MAJLIS PELUNCURAN AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

16 Jun 2025

Auditorium APN

Pada 16 Jun 2025, Majlis Peluncuran Akademi Perundangan Negara (APN) telah diadakan selaras dengan penjenamaan semula Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) kepada APN, bagi memperkuatkan peranan institusi ini dalam landskap Latihan perundangan negara serta memperkenalkan nama dan imej korporat baharu kepada pihak berkepentingan.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)



Majlis yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) ini turut dihadiri oleh sebanyak 85 orang pegawai-pegawai daripada Agensi di bawah JPM antaranya Jabatan Peguam Negara, Akademi Kehakiman Malaysia (AKM), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Pusat Timbangtara Antarabangsa Asia (AIAC); dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

SIDANG MEDIA

BERSAMA

YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)



YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

AKTIVITI-AKTIVITI APN

JUN

PROGRAM CERAMAH AWAL MUHARAM

26 Jun2025

Dewan Kuliah ITITC, Aras 5, APN



Program Ceramah Awal Muharam telah dijalankan pada 26 Jun 2025 (Khamis) yang lalu di Dewan Kuliah ITITC, Aras 5, APN. Program ini bermula pada 9:30 – 11:30 Pagi dan telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Nadzri Bin Mustakim, Penolong Pengarah Kanan, Masjid Negara.

Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman warga APN mengenai sejarah dan pengertian Hijrah serta memupuk semangat perubahan ke arah kebaikan bersempena tahun baru Islam. Ceramah ini telah menyentuh tentang pengajaran penting daripada peristiwa Hijrah Rasulullah SAW dan kaitannya dengan pembentukan sahsiah serta budaya kerja berlandaskan nilai-nilai Islam. Secara keseluruhannya, ceramah ini telah berjaya menyuntik semangat hijrah dalam kalangan warga APN serta memberikan dorongan untuk melakukan perubahan positif dalam diri dan kerjaya.





INSIGHT

E-NEWSLETTER

AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN)

SIDANG REDAKSI

ILKAP E-NEWSLETTER (INSIGHT) BIL. 1/2025

(Januari - Jun 2025)

MUHAMAD YASSER BIN MOHD NASRI

Ketua Unit

Unit Penyelidikan dan Inovasi (Unit P&I)

Ketua Sidang Redaksi

Editor/ Penyunting

Pemantauan Keseluruhan Projek

NABEELA SHAKINA BINTI ABDUL RAZAK

Pegawai Undang-Undang

Unit Penyelidikan dan Inovasi (Unit P&I)

Penyediaan Draf

Penyelarasan Maklumat

dan Gambar Aktiviti APN

Januari - Jun 2025

Editor/ Penyunting Akhir

NUR AZZUIN BINTI ABDUL MOATI

Ketua Penolong Pengarah

Unit Penyelidikan dan Inovasi (Unit P&I)

Sesi Temu Bual

PENGARAH-PENGARAH PROGRAM

Program Kehakiman, Program Perundangan, Program Litigasi,

Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran

Penyediaan Laporan Aktiviti Separuh Tahun

Januari - Jun 2025

NOR HAFIZAH BINTI MUDA

Pustakawan

Bahagian Maklumat

Pemantauan Rekaan Grafik

dan Reka Letak Layout

NORMANSYURAH BINTI MD NOR

Pereka

Bahagian Maklumat

Rekaan Grafik

dan Reka Letak Layout

MOHD RAIHEMI BIN SULAIMAN

Pejabat Ketua Pengarah

Juru Gambar 1

WAN MOHD FADHIL

BIN WAN BERAHIM

Bahagian Maklumat

Juru Gambar 2

PULAU
PANGKOR
Adventure



Akademi Perundangan Negara (APN)
Lot 5, Persiaran Universiti,
Seksyen 15, Bandar Baru Bangi
43650 Selangor Darul Ehsan, Malaysia



webmaster@apn.gov.my



apnbangi